

Identiti agama MyKad bukan punca perpecahan kaum

Pada 28 April lalu, portal akhbar pihak BH ada mengeluarkan artikel bertajuk 'Status Agama dalam kad pengenalan kekal - Muhyiddin'.

Artikel ini melaporkan status agama dalam kad pengenalan yang dipersoal oleh Senator Nga Hock Cheh pada sidang Dewan Negara yang lalu.

Saya berbangsa Melayu dan beragama Islam berpendapat hal ini tidak sepatutnya dibangkitkan sebagai punca perpecahan perpadu-

an. Mana mungkin isu agama dan kaum dipandang remeh, sedangkan kedua-dua perkara ini adalah paksi kepada setiap insan di muka bumi.

Sekolah jenis kebangsaan punca utama

Agama perlu dinyatakan dalam kad pengenalan kerana identiti diri adalah antara maklumat yang perlu diketahui secara jelas untuk menjalankan sebarang urusan.

Alasan identiti agama dalam kad

pengenalan sebagai perpecahan kaum adalah ampuh sekali, kerana punca utama perpecahan kaum adalah wujudnya sekolah jenis kebangsaan untuk anak kecil.

Sedari sekolah rendah mereka terpisah kepada tiga jenis sekolah untuk menimba ilmu, maka wujudnya jurang bahasa dan adat sejak kecil.

Kenapa sekolah yang terbahagi kepada kaum ini tidak dijadikan alasan perpecahan kaum? Perbahasan yang menyentuh soal agama

dan bangsa sejak dahulu lagi, menjadi 'tabu' yang menyemarakkan kemarahan sesetengah kaum.

Isu tak pernah dibangkitkan

Sejak awal kad pengenalan diwajibkan kepada semua rakyat Malaysia, soal perpecahan kaum kerana adanya identiti agama tidak pernah dibangkitkan dan menjadi isu.

Bagaimana pihak berwajib hendak melaksanakan undang-undang syariah, keluarga Islam dan

sebagainya jika agama tidak dicatatkan secara jelas dan nyata pada kad pengenalan.

Diharap agar semua rakyat Malaysia dapat turut cakna bahawa identiti agama dalam kad pengenalan tidak sama sekali membawa kepada perpecahan kaum.

Nur Fadilah Hamzah,

Pelajar Kewartawanan
Fakulti Pengajian Komunikasi
dan Media UiTM Shah Alam